BIL: SN314 7 RAMADHAN 1433H / 27 JULAI 2012

Suara Kebangkitan
صوت النهضة
Mengembalikan Kehidupan Islam
www.mykhilafah.com

FUNGSI MASJID DALAM ISLAM

Baru-baru ini Datuk Seri Najib Razak telah mengadakan Majlis Perhimpunan Perdana Warga Imam dan Jawatankuasa Masjid Seluruh Negara Bersama Perdana Menteri bertema 'Masjid Diimarah, Imam Ditransformasi,' di Serdang, Selangor yang dilaporkan dihadiri oleh 11,000 imam dan ahli jawatankuasa masjid. Dalam majlis tersebut, Najib meminta mereka tidak menggunakan masjid sebagai platform menabur fitnah dan kebencian sehingga merosakkan perpaduan ummah. Perdana Menteri Malaysia itu seterusnya berkata, kesucian masjid tidak harus dicemari pada bila-bila masa, termasuk ketika Ramadan semata-mata mahu mendapat keuntungan tertentu, mencari pengaruh atau mencetus perasaan benci. Katanya lagi, masjid bukan gelanggang mengecam, sebaliknya tempat beribadat dengan tenang dan tenteram, selain mengajak kepada kebaikan dan berdakwah secara bijaksana serta berhemah [BH 19/07/12]. Ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria menasihati umat Islam termasuk pihak kepartian agar tidak menggunakan surau dan masjid sebagai 'gelanggang' berpolitik sepanjang bulan Ramadan ini kerana hukumnya haram. Katanya, sebagai umat Islam mereka perlu mengelak daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah agama seperti mengumpat, mengeji, memfitnah sesama seagama apatah lagi bercakap tentang politik di sepanjang bulan suci dan barokah ini. Beliau juga tidak menafikan akan ada pihak-pihak yang tetap meneruskan usaha mengadakan ceramah berbaur politik menerusi tazkirah yang dicelahkan di antara Terawih sepanjang bulan Ramadan, katanya kepada Peraknews di pejabatnya di Ipoh [www.peraknews.com 20/07/12].

Kenyataan di atas tidaklah mengejutkan sangat kerana umum sudah maklum bahawa kebanyakan masjid di Malaysia adalah dikuasai oleh kerajaan yang sekular dan sejak sekian lama unsur politik tidak dibenarkan langsung memasuki di masjid. Sebagai persiapan pilihan raya umum ke-13 nanti, Najib nampaknya sudah memberi 'amaran' kepada para imam dan ahli jawatankuasa masjid khususnya dan para penceramah umumnya agar tidak menggunakan masjid sebagai platform politik. Inilah adat politik sekular yang memisahkan agama dari kehidupan. Namun, apa yang menyedihkan adalah apabila wujudnya orang agama yang selalu 'membenarkan dan mengesahkan' lagi kata-kata pemimpin secara semberono. Seharusnya segala nas dan kesemua aspek diperhalusi terlebih dahulu sebelum sesuatu fatwa dikeluarkan agar ia bertepatan dengan hukum Allah dan yang lebih penting, fatwa dikeluarkan dalam usaha mencari keredaan Allah SWT, bukannya untuk mendapatkan keredaan pemimpin (manusia).

Hasil dari indoktrinasi sistem sekular sejak sekian lama, ramai Muslim beranggapan bahawa fungsi masjid hanyalah untuk melakukan ibadat solat sahaja dan aktiviti lain, khususnya politik, tidak dibenarkan sama sekali kerana dikatakan mencemarkan kesucian masjid sebagai tempat solat. Di banyak negara, termasuklah Malaysia, isu politik merupakan isu yang sangat sensitif untuk diperkatakan di masjid. Bukan sekadar sensitif, malah siapa sahaja berceramah yang mengandungi unsur-unsur politik di masjid adalah terdedah kepada tangkapan di bawah undang-undang dan boleh didakwa kerana menghasut, menyebarkan kebencian, memecah-belahkan masyarakat dan seumpamanya. Apatah lagi kalau ceramah tersebut menjelaskan penyelewengan, kejahatan dan betapa korupnya sistem dan pemerintah yang ada, maka tanpa ragu lagi, penceramah yang berkenaan bakal berhadapan dengan 'masalah' dari kerajaan. Semua orang tahu bahawa kerajaan memasang mata-mata mereka di hampir kesemua masjid bagi memastikan tidak ada penceramah yang berani bersuara tentang politik.

Kedudukan/Fungsi Masjid Dalam Islam

Di dalam Daulah Islam yang pertama yang didirikan oleh Rasulullah SAW, masjid merupakan pusat (ibu pejabat) pentadbiran negara di mana Rasulullah SAW mengurus urusan umat Islam dari situ. Baginda mengadakan mesyuarat, mengumpulkan orang ramai, mengadakan perjumpaan, menerima delegasi/tetamu, membuat ucapan-ucapan penting, menyelesaikan persengketaan dan banyak lagi di masjid. Begitu juga dengan para Khalifah selepas baginda di mana mereka juga melakukan hal yang sama, mengadakan pertemuan dengan rakyat, melakukan dialog, mengingatkan dan diingatkan (dimuhasabah) oleh rakyatnya di masjid.

Diriwayatkan bahawa tatkala Rasulullah SAW tiba di Madinah semasa hijrah, baginda telah membeli sebidang tanah dan di atasnya didirikan masjid dan di sekitarnya dibangun bilik-bilik rumah baginda. Bentuk masjid yang didirikan Nabi SAW sangat sederhana, tidak memerlukan biaya dan kerja yang besar. Masjidnya berupa halaman luas yang empat sisi temboknya dibangun dari batu merah dan tanah liat. Sebahagian atapnya dari pelepah kurma dan sebahagian yang lain dibiarkan terbuka. Salah satu penjuru serambinya dikhususkan untuk tempat bermukim kaum fakir yang tidak memiliki tempat tinggal. Di waktu malam, masjidnya tidak diberi penerangan (cahaya) kecuali pada waktu solat Isyak. Penerangannya diambil dari api jerami yang dibakar di tengah-tengah masjid.

Sejarah Islam mencatat bahawa selain menjadi pusat pemerintahan dan pentadbiran, masjid juga merupakan tempat di mana para Khalifah dibaiah oleh umat Islam. Setelah kewafatan Rasulullah SAW, sebahagian kaum Muslimin berkumpul di Saqifah Bani Saidah untuk mengangkat seorang Khalifah menggantikan Rasulullah sebagai Ketua Negara. Dari hasil perbincangan , maka dibaiatlah Abu Bakar sebagai Khalifah yang pertama kaum Muslimin. Kemudian pada hari kedua, kaum Muslimin diundang ke Masjid Nabawi, lalu mereka membaiat Abu Bakar di sana. Baiat yang berlaku di Saqifah adalah baiat *in'iqad* (pelantikan) yang mensahkan Abu Bakar menjadi Khalifah manakala baiat di Masjid Nabawi pada hari kedua merupakan baiat taat yang wajib ke atas setiap Muslim. Di masjid inilah Abu Bakar menyampaikan ucapan politiknya yang agung yang diingati hingga kini, *"Wahai umat manusia! Sesungguhnya aku telah dilantik di kalangan kalian sedangkan aku bukanlah orang yang terbaik. Maka jika aku melakukan kebaikan bantulah aku tetapi sekiranya aku terpesong maka betulkanlah aku. Benar itu adalah amanah dan dusta itu adalah khianat. Orang yang lemah di kalangan kalian merupakan orang yang kuat di sisiku sehingga aku akan memberikan haknya. Manakala orang yang kuat di kalangan kalian merupakan orang lemah di sisiku sehingga aku akan mengambil haknya. Oleh itu taatilah aku selama mana aku mentaati Allah dan RasulNya dan jika aku mengengkari Allah dan RasulNya maka janganlah kalian mentaatiku."*

Begitu juga setelah wafatnya Abu Bakar, kaum Muslimin datang ke masjid dan membaiat Umar Al-Khattab sebagai Khalifah yang kedua. Demikian juga dengan pelantikan Utsman sebagai Khalifah yang ketiga, turut dilakukan di masjid. Penulis kitab *Al-Bidayah wa an-Nihayah* (Ibn Katsir) menjelaskan, *"orang ramai membaiat Utsman di masjid, kemudian Utsman pergi ke Dar asy-Syura (yakni rumah tempat berkumpulnya Ahlu asy-Syura), lalu kaum Muslimin selebihnya membaiat Utsman di tempat itu, seakan-akan pembaiatan itu baru sempurna setelah solat zuhur. Suhaib pada hari itu mengimami solat zuhur di Masjid Nabawi, sedangkan solat pertama kali yang dipimpin oleh Khalifah Amirul Mukminin Utsman bersama kaum Muslimin adalah solat asar…"*

Baiah merupakan metod pelantikan Khalifah (Ketua Negara) bagi kaum Muslimin dan urusan pelantikan Ketua Negara ini sudah pasti termasuk dalam urusan politik. Dari peristiwa pembaiatan Khalifah ini, jelas sekali menunjukkan bahawa masjid adalah tempat di mana berlangsungnya aktiviti politik, malah aktiviti politik terpenting berlaku di sini.

Di dalam Islam, masjid juga berfungsi sebagai sebuah pusat penerangan (*information centre*), baik dalam perkara politik, perang, ekonomi, sosial, *tsaqafah* mahupun persoalan kehidupan lainnya.

Berita-berita penting yang berkaitan kaum Muslimin diumumkan di masjid. Rasulullah SAW sering melakukan khutbah untuk mengumumkan sesuatu perkara di masjid dan hal ini amat masyhur sehingga tidak perlu dibahaskan lagi. Umar al-Khattab juga misalnya, ketika menghadapi suatu persoalan, beliau mengambil pendapat kaum Muslimin dalam masalah itu, baik dalam perkara yang berhubungan dengan hukum syarak, pemerintahan atau salah satu aktiviti negara. Ketika datang suatu persoalan, Umar bin al-Khattab memanggil kaum Muslimin ke masjid. Beliau memanggil baik lelaki mahupun perempuan dan mengambil pendapat mereka tanpa kecuali. Umar pernah menarik pendapatnya sendiri ketika seorang wanita membantahnya dalam masalah pembatasan kadar mahar yang ditetapkannya. Proses muhasabah dan banyak lagi perkara lainnya, semuanya berlaku di masjid yang merupakan pusat informasi bagi kaum Muslimin.

Di sepanjang sejarah kegemilangan Islam, masjid juga digunakan sebagai tempat di mana para *qadhi* (hakim) membicara dan memutuskan sesuatu kes. Dalam sebuah hadis dari Jabir, ia berkata, *"Sesungguhnya seorang lelaki dari Bani Aslam datang kepada Nabi SAW sedangkan baginda berada di dalam masjid. Kemudian lelaki itu mengaku bahawa dia telah berzina. Maka baginda memalingkan darinya dan menjauhinya. Lalu lelaki itu pun bersaksi sebanyak 4 kali (bahawa ia telah berzina). Kemudian Nabi SAW memanggilnya dan bersabda, 'apakah engkau gila/mempunyai penyakit gila? Apakah engkau seorang muhsan (telah berkahwin)?' Dia menjawab, 'Ya'. Lalu baginda memerintahkan agar dia dirajam…"* [HR Bukhari]. Imam al-Mawardi menyebut di dalam *al-Ahkam as-Sulthaniyah* bahawa Abu Abdillah az-Zubairi mengatakan, *"Tidak pernah ada satu masa pun kecuali amir kami di Basrah selalu mengangkat qadhi untuk menjadi qadhi di Masjid Jami'. Mereka menyebutnya qadhi masjid. Mereka memutuskan perkara dalam masalah 200 dirham atau 20 dinar atau kurang, di samping ia juga menetapkan pelbagai keputusan. Ia tidak akan menyimpang dari kedudukannya dan dari hal-hal yang telah ditetapkan baginya."*

Masjid juga menjadi pusat aktiviti ekonomi di mana diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW kadangkala menempatkan harta (sebelum diagihkan kepada kaum Muslimin) di masjid. Imam al-Bukhari telah menuturkan riwayat dari Anas yang mengatakan, *"Kepada Nabi SAW pernah didatangkan harta dari Bahrain, lalu baginda bersabda, 'Hamparkan harta itu di masjid…setelah selesai melaksanakan solat, Nabi SAW datang dan duduk menghadap harta itu. Baginda tidak melihat seorang pun kecuali baginda memberikan orang itu dari harta tersebut….Tidaklah Rasulullah SAW berdiri kecuali di sana hanya tersisa satu dirham"*. Imam asy-Syafii juga telah menuturkan riwayat di dalam *al-Umm*. Beliau mengatakan, *"Bukan hanya satu orang yang berilmu saja yang telah memberitahuku, bahawa tatkala didatangkan kepada Umar bin al-Khattab ghanimah (harta rampasan perang) yang diperoleh dari Irak, maka pengurus Baitul Mal berkata, 'Biar aku masukkan ke Baitul Mal.' Umar berkata, 'Jangan. Demi Allah, harta itu tidak akan ditempatkan di bawah atap sebuah rumah pun hingga aku membahaginya.' Lalu Umar memerintahkan agar harta itu diletakkan di masjid, ditutupi dengan penutup dari kulit dan dijaga oleh beberapa orang dari kaum Muhajirin dan Ansar".*

Kawasan masjid juga pernah digunakan sebagai tempat untuk latihan jihad dan merawat para mujahidin. Bukhari dan Muslim meriwayatkan dari Aisyah ra yang berkata, *Rasulullah melihat orang-orang Habsyah sedang bermain tombak di masjid pada hari Id. 'Aisyah Ummul Mukminin juga melihat mereka dari balik tubuh Rasulullah. Rasulullah pun membentangkan sutrah agar mereka tidak melihat 'Aisyah, sampai akhirnya 'Aisyah jemu dan enggan melihat lagi*." Dalam riwayat lain dari *Aisyah ra*, ia berkata, *"Saad terluka pada perang Khandaq kerana panah seorang Quraisy bernama Hibban bin 'Ariqah…dia memanahnya tepat mengenai urat bahu Sa'ad. Kemudian Nabi SAW membuatkan khemah dekat masjid supaya mudah menjenguknya….dan tidak ada yang mencengangkan mereka ketika di masjid di dalam khemah Bani Ghifar, kecuali darah yang mengalir. Mereka berkata, 'Wahai penghuni khemah, apakah yang datang kepada kami ini dari arah kalian?' Ternyata luka Sa'ad menyemburkan darah lalu dia meninggal kerana lukanya itu"* [HR Bukhari].

Sebagaimana telah disebutkan di awal, Rasulullah SAW telah menyediakan satu bahagian khusus di masjid untuk mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal. Mereka ini bukan dari golongan Muhajirin, juga bukan dari Ansar. Mereka adalah orang-orang Arab yang datang ke Madinah dan memeluk Islam. Rasul SAW memerhatikan nasib mereka dan menyediakan tempat khusus bagi mereka di serambi masjid. Mereka tinggal dan berlindung di situ. Kerana itu, mereka dinamakan *Ahlu Suffah* (penghuni serambi). Nafkah mereka diambil dari harta kaum Muslimin, baik dari orang Muhajirin ataupun Ansar yang memiliki kelebihan harta.

Selain dari fungsi-fungsi di atas, masjid juga berperanan sebagai pusat pengajian dan dakwah Islam, tempat di mana kaum Muslimin bermesyuarat dan berbincang tentang agama mereka baik tentang politik, ekonomi, pendidikan, jihad dan sebagainya. Masjid juga adalah pusat bantuan kepada mereka yang memerlukan (fakir dan miskin), tempat perlindungan, tempat tidur dan istirahat para musafir dan ibnu sabil, tempat mempererat *ukhwah* sesama Muslim dan tempat manusia mencari pahala dan keredaan di sisi Allah SWT. Sesungguhnya banyak lagi fungsi masjid berserta dalil-dalilnya yang tidak terungkap di sini kerana keterbatasan ruang. Pendek kata, masjid bukan sekadar tempat untuk melakukan ibadat *mahdhah* semata-mata sebagaimana difahami oleh sebahagian Muslim, tetapi masjid juga adalah tempat melakukan ibadat *ghairu mahdhah* dan banyak lagi aktiviti-aktiviti lain.

Persoalannya, kenapakah boleh timbul salah faham bahawa masjid bukan tempat untuk berpolitik? Ini kerana ramai Muslim bahkan mereka yang bergelar ulama sekalipun, tidak memahami pengertian politik yang sebenar menurut Islam. Mereka memahami politik dari pengertian sekular di mana politik dan agama itu mesti dipisahkan. Mereka juga telah lama larut di dalam kehidupan sekular di mana politik yang diamalkan penuh dengan maksiat, skandal, fitnah, kekotoran, penipuan, penyelewengan dan pelbagai kejahatan lagi sehingga mereka sudah tidak nampak dan tidak tahu pengertian sebenar politik menurut Islam.

Walhal pengertian sebenar politik (*siyasah*) dalam Islam adalah *ri'ayah asy-syu'un al-ummah dakhiliyyan wa kharijiyyan* (pengaturan urusan ummah baik dalam mahupun luar negeri). *Siyasah syar'iyyah* (politik Islam) adalah bagaimana menguruskan urusan ummah baik dari sudut sistem pemerintahan, ekonomi, pergaulan, *uqubat*, pendidikan dan lain-lain dengan Islam. Inilah politik Islam. Oleh sebab tidak memahami maksud politik yang sebenar, maka ramai di kalangan kaum Muslimin yang tidak membenarkan atau memandang serong akan perbincangan politik di masjid. Sesungguhnya politik (*siyasah*) itu adalah sebahagian dari Islam dan tidak dapat dipisahkan dari Islam sedikit pun. Justeru, sungguh aneh dan tergelincir pandangan yang menyatakan bahawa politik tidak boleh dibicarakan di masjid. Hal ini seolah-olah menyatakan "kita tidak boleh membicarakan sebahagian dari Islam di masjid"!!!

Memang benar sekiranya masjid dijadikan tempat penyebar fitnah, kebencian dan permusuhan sesama Muslim, maka hal ini wajib dicegah. Malah segala keburukan ini tidak boleh dibenarkan di mana-mana tempat sekalipun untuk disebarkan, baik di masjid, di universiti, di Parlimen, di akhbar-akhbar dan sebagainya. Hukum memfitnah dan memecah-belahkan sesama Muslim itu haram dan berdosa, tidak kira di mana ia dilakukan. Namun malangnya, ada sesetengah masjid yang menjadi penghalang kepada seruan Islam dari berkumandang di dalamnya. Majoriti masjid kini telah didominasi oleh pihak yang berkepentingan yang menjadikan masjid sebagai corong para penguasa yang tidak Islami untuk mensosialisasikan pemikiran, polisi dan undang-undang kufur mereka. Malah ada di antara masjid yang justeru menghalang dan melarang seruan-seruan yang dianggap bersifat politik seperti seruan penegakan syariah dan Khilafah. Sebaliknya masjid-masjid berkenaan membenarkan pula penceramah tertentu yang menyokong kerajaan untuk menyebarkan fitnah kepada gerakan-gerakan Islam yang memperjuangkan tegaknya syariah dan Khilafah.

Apa yang kita saksikan sekarang ini sesungguhnya membenarkan sabda Rasulullah SAW bahawa *"Sudah hampir tiba suatu zaman di mana tidak tinggal lagi daripada Islam ini kecuali hanya namanya dan tidak tinggal daripada Al-Quran itu kecuali hanya tulisannya. Masjid-masjid mereka tersergam indah, tetapi ia roboh daripada petunjuk. Ulama yang ada adalah sejahat-jahat makhluk yang ada di bawah naungan langit. Dari mereka berpunca fitnah dan kepada mereka fitnah ini akan kembali"* [HR al-Baihaqi].

Nasyrah Mingguan
Hizbut Tahrir MALAYSIA

Tiada hakcipta dalam Islam. Penyalinan semula artikel ini amat dialu-alukan. Semoga usaha anda dapat mengembangkan dakwah Islam dan diredhai Allah SWT. Jika anda ingin bergabung bersama HTM, sila hubungi 03-8920 1614.
Sebarang pertanyaan dan komen, sila e-mailkan kepada **htm@mykhilafah.com** atau layari **www.mykhilafah.com**